

BUDAYA KITAR SEMULA DALAM KALANGAN PENDUDUK TAMAN UNIVERSITI: KAJIAN KES

RECYCLING CULTURE AMONG THE RESIDENTS OF UNIVERSITY PARK: A CASE STUDY

Muhamad Hadi Badrul Hisam¹

Claudia Yvvaе Malison²

Puteri Nursuhadah³

Siti Nursaila Alias^{4*}

¹Jabatan Fizik, Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Email: d103325@siswa.upsi.edu.my)

²Jabatan Fizik, Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Email: d101734@siswa.upsi.edu.my)

³Jabatan Fizik, Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Email: d101720@siswa.upsi.edu.my)

⁴Jabatan Fizik, Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris
(E-mail: anasaila@fsmt.upsi.edu.my)

Article history

Received date : 23-10-2024

Revised date : 24-10-2024

Accepted date : 15-12-2024

Published date : 31-12-2024

To cite this document:

Badrul Hisam, M. H., Claudia, Y. M., Puteri Nursuhadah, & Alias, S. N. (2024). Budaya kitar semula dalam kalangan penduduk Taman Universiti: Kajian kes. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 7 (25), 39 - 46.

Abstrak: Memahami status pengetahuan umum tentang kepentingan budaya kitar semula merupakan langkah penting dalam mengkaji kesedaran dan amalan kitar semula dalam kalangan penduduk Taman Universiti, Tanjung Malim. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan, sikap, dan tingkah laku penduduk terhadap budaya kitar semula serta mengenal pasti punca-punca yang mempengaruhinya. Di samping itu, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan penduduk Taman Universiti, Tanjung Malim terhadap amalan sekitar. Kajian soal selidik telah dilakukan dan diedarkan kepada penduduk di kawasan kajian melalui pautan Google Form. Kaedah kajian ini juga merangkumi kualitatif iaitu secara pemerhatian dan temu bual bersama penduduk sarta kuantitatif iaitu secara soal selidik secara atas talian. Seramai 26 responden telah mengisi pautan tinjauan berkenaan kajian kami ini yang merangkumi kawasan Taman Universiti, Tanjung Malim. Antara faktor-faktor yang menghalang amalan sekitar semula termasuk kurangnya kemudahan kitar semula yang mudah diakses, ketidaktahuan tentang jenis bahan yang boleh dikitar semula serta ketidakselesaan atau kesukaran dalam memisahkan bahan yang boleh dikitar semula. Bukan itu sahaja, pengetahuan tentang cara-cara kitar semula juga adalah ada tahap yang tidak memuaskan dalam kalangan sebilangan penduduk. Ini menyebabkan banyak bahan yang sepatutnya dikitar semula akhirnya dibuang sebagai sisa biasa. Hasil daripada kajian mengenal pasti bahawa kebanyakan responden tidak terlibat dengan program kitar semula. Oleh yang demikian, pihak berkuasa harus mempertimbangkan pendekatan yang sesuai dan holistik demi merealisasikan objektif program kitar semula tertakluk kepada konteks tempatan dan mendorong masyarakat untuk mengubah mentaliti mereka.

Kata Kunci : Kitar semula, kesedaran, budaya, cabaran

Abstract: Understanding the general knowledge status about the importance of recycling culture is an important step in studying the awareness and practices of recycling among the residents of University Park, Tanjung Malim. This study aims to assess the level of knowledge, attitudes, and behaviors of residents towards recycling culture as well as to identify the factors influencing them. In addition, the objective of the study is to identify the level of knowledge of the residents of University Park, Tanjung Malim regarding environmental practices. A survey was conducted and distributed to residents in the study area via a Google Form link. This study method also includes qualitative research through observations and interviews with residents, as well as quantitative research via an online questionnaire. A total of 26 respondents filled out the survey link for our study, covering the area of University Park, Tanjung Malim. Some of the factors hindering recycling practices include the lack of easily accessible recycling facilities, unawareness of which materials can be recycled, and discomfort or difficulty in separating recyclable materials. Furthermore, knowledge about how to recycle is also at an unsatisfactory level among some residents. As a result, many materials that should be recycled are ultimately disposed of as regular waste. The study findings identify that most respondents are not involved in recycling programs. Therefore, the authorities should consider an appropriate and holistic approach to achieve the objectives of the recycling program, tailored to the local context, and encourage the community to change their mindset.

Keywords: Recycling, awareness, culture, challenges

Pendahuluan

Dalam usaha global untuk meminimumkan kerosakan alam sekitar dan menggunakan sumber semula jadi yang terbaik, kitar semula semakin penting. Memandangkan kesedaran orang ramai tentang kesan merosakkan aktiviti manusia terhadap alam sekitar telah berkembang, kitar semula telah menjadi alat yang berkuasa untuk memajukan tingkah laku mesra alam. Kitar semula ialah proses mengumpul sisa, mengasingkannya, menggunakan semula, dan menjualnya supaya tenaga boleh dihasilkan atau ia boleh digunakan dengan cara lain. Kita boleh mencipta lebih banyak kempen yang berjaya untuk menggalakkan kitar semula jika kita menyadari kebaikan dan kelebihannya. Budaya kitar semula semakin penting sebagai satu cara untuk memelihara kelestarian alam sekitar dan meminimumkan kesan buruknya. Oleh kerana kesedaran awam yang semakin meningkat tentang isu alam sekitar, kitar semula kini dianggap sebagai rutin harian dan bukannya tindakan pilihan.

Tujuan kajian kes ini adalah untuk mengetahui lebih lanjut mengenai budaya kitar semula dalam kalangan penduduk Taman Universiti di Tanjung Malim dan bagaimana tahap pengetahuan mereka tentang program kitar semula serta faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran dan juga tingkah laku mereka. Kajian ini adalah perlu untuk menilai kesan prospektif dan sebenar kitar semula sebagai strategi untuk kelestarian alam sekitar.

Menurut Sharom Md.Zain, *et al.* (2003), sisa buangan atau domestik merupakan antara penyumbang paling besar dalam kategori sisa pepejal di Malaysia. Ini menyebabkan kepada penghasilan secara meluas di negara ini dan boleh menjadi masalah apabila berlaku peningkatan dalam jumlah penduduk tahun demi tahun. Tidak dapat dinafikan bahawa program kitar semula haruslah diketengahkan lagi dalam kalangan generasi muda masa ini. Terdapat juga kajian yang mengemukakan bahawa tahap kesedaran masyarakat adalah masih pada tahap yang tidak

memuaskan. Sebagai latar belakang kajian, kami mengambil data berkaitan jadual pengutipan sampah oleh lori sampah di Taman Universiti. Selain itu, kami juga mengumpul maklumat tentang cara untuk melupuskan sampah yang diamalkan oleh responden. Tambahan pula kami juga mengambil tahu jika responden mempunyai atau membina bahan baru yang menggunakan barang-barang terpakai.

Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah tentang budaya kitar semula dalam kalangan penduduk mungkin termasuk kurangnya kesedaran tentang kepentingan kitar semula, ketiadaan infrastruktur yang mencukupi, kekurangan kemudahan untuk membuang bahan kitar semula, dan ketiadaan insentif yang mencukupi untuk menggalakkan amalan kitar semula.

Objektif Dan Persoalan Kajian

Objektif kajian

- 1) Mengenal pasti tahap kesedaran budaya kitar semula dalam kalangan penduduk Taman Universiti, Tanjung Malim.
- 2) Mengkaji permasalahan yang dihadapi penduduk terhadap bahan buangan yang boleh dikitar semula di sekitar Taman Universiti, Tanjung Malim.
- 3) Memberikan cadangan penyelesaian terhadap masalah pelupusan bahan buangan di sekitar Taman Universiti, Tanjung Malim.

Metodologi

Kajian tertumpu kepada amalan kitar semula di Taman Universiti, Tanjung Malim. Bagi melengkapkan kajian ini, beberapa data diperlukan, Antara data tersebut adalah data mengenai cara pelupusan bahan buangan, tahap kesedaran penduduk terhadap budaya kita semula dan juga masalah pelupusan sampah di Taman Universiti, Tanjung Malim. Dalam pengumpulan data , pendekatan kuantitatif dan kualitatif telah diambil sebagai pemilihan reka bentuk kajian kes. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai tahap kesedaran peduduk Taman Universiti, Tanjung Malim tentang budaya kitar semula. Untuk tujuan ini, penyelidik menggunakan pendekatan kuantitatif dengan inisiatif instrumen soal selidik menggunakan *Google Form* yang diedarkan secara atas talian menerusi aplikasi *Whatsapp* dan juga imbasan kod *QR*. Antara kelebihan adalah dapat membuat perbandingan antara responden dengan responden yang lain. Data yang diperolehi lebih mudah diperolehi dan diproses mengikut mutu data yang tinggi. Dalam kajian ini, hanya 26 penduduk sahaja yang memberikan maklum balas. Sampel kajian terdiri daripada 26 penduduk yang melibatkan 15 buah rumah di kawasan Taman Universiti, Tanjung Malim. Namun begitu, jumlah ini adalah mencukupi menurut Hair et al. (2018) untuk membuat analisis mudah. Data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan peratusan respon.

Pendekatan kualitatif turut digunakan dalam kajian ini dengan melaksanakan temu bual. Kaedah ini dihasilkan berdasarkan teori pembelajaran kendiri. Kaedah temu bual ini dijalankan dengan menjalankan temu bual di rumah responden di Taman Universiti, Tanjung Malim. Dalam proses memperoleh maklumat, pelbagai soalan yang berkaitan telah diutarakan dalam bentuk perbualan tidak formal. Jawapan yang diperoleh juga lebih mendalam dan meluas mengikut perspektif responden secara terus yang lebih jelas kepada pemahaman penyelidik berbanding dalam bentuk penulisan. Selain itu, sebarang kemusykilan yang diperoleh dapat disoal secara langsung untuk direlevangkan dengan kajian ini. Responden kajian yang terlibat dalam kaedah ini adalah orang penduduk daripada 26 responden dari tinjauan *Google Form* yang telah diedarkan di Taman Universiti, Tanjung Malim. Ciri-ciri pemilihan responden bagi

kajian ini ialah mereka merupakan penduduk Taman Universiti, Tanjung Malim yang telah mengisi tinjauan atas talian yang telah penyelidik edarkan. Penyelidik telah mendapat persetujuan daripada mereka untuk menjadi responden kajian secara sukarela bagi kajian ini semasa lawatan ke rumah yang respon den nyatakan dalam *Google Form*. Pemerhatian dan analisis untuk menyokong dapatan kajian bagi kajian ini turut digunakan pada awal pengumpulan data kajian.

Dapatan Kajian

Tahap pengetahuan terhadap amalan kitar semula

Menurut Jabatan Alam Sekitar Malaysia 1998, dalam membina kapasiti negara menuju pembangunan lestari perlu mempunyai kesedaran terhadap alam. Ini kerana, hasil kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa tahap kesedaran alam sekitar dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah pada tahap rendah jika dibandingkan dengan negara maju seperti Jepun, Denmark dan German. Masyarakat juga adalah lebih peka kepada isu-isu alam sekitar lebih – lebih lagi isu yang dekat kepada mereka tetapi dari segi mengatasi masalah tersebut adalah kurang. Berdasarkan data kajian kami untuk dapatan kajian ini kami mengemukakan 10 soalan iaitu:

Jadual 1: Joalan soal selidik berkaitan tahap pengetahuan terhadap alam sekitar

| Soalan | Bersetuju (%) | Tidak bersetuju (%) |
|--|----------------------|----------------------------|
| Saya mengetahui tentang kepentingan amalan kitar semula. | 92.3 | 7.7 |
| Saya mengetahui barang-barang yang boleh dikitar semula. | 96.2 | 3.8 |
| Saya melihat kewujudan tong-tong kitar semula | 84.6 | 15.4 |
| Saya mengetahui konsep 3R iaitu Reuse, Reuse, Recycle. | 92.3 | 7.7 |
| Saya pernah terlibat dengan kempen kesedaran kitar semula | 57.7 | 42.3 |
| Tumbuh-tumbuhan juga boleh dikitar semula | 69.3 | 30.7 |
| Bahan yang diperbuat daripada plastik boleh dikitar semula. | 84.6 | 15.4 |
| Menggunakan tayar lama untuk dijadikan pasu bunga adalah salah satu kaedah kitar semula. | 96.2 | 3.8 |
| Kitar semula bertujuan untuk mengurangkan sampah. | 96.2 | 3.8 |
| Penggunaan plastik terbiodegradasi boleh mengurangkan pencemaran alam sekitar. | 92.3 | 7.7 |

Berdasarkan data kajian kes kami, 92.3% responden mengetahui tentang kepentingan amalan kitar semula. Sebanyak 96.2% yang tahu tentang barang-barang yang boleh dikitar semula. Terdapat 84.6% responden yang membuang sampah mengikut warna tong kitar semula yang disediakan dan selebihnya adalah sebaliknya. Hal ini kerana, masih terdapat individu yang tidak tahu tentang sistem warna tong kitar semula ini serta tidak memahami kepentingannya. Bukan itu sahaja, terdapat juga responden yang mengatakan bahawa kempen kesedaran dan pendedahan pendidikan terhadap amalan kitar semula di tempat kajian. Tambahan pula, masih terdapat responden yang kurang bersetuju mengenai kepentingan amalan sekitar ini. Sungguhpun begitu, melalui pemerhatian di tempat kajian kes kami, terdapat juga beberapa tong kitar semula yang disediakan bagi penduduk Taman Universiti, Tanjung Malim ini. Terdapat segelintir responden yang mengambil inisiatif seperti menggunakan tayar lama untuk

dijadikan pasu bunga dan barang-barang terpakai. Mereka juga tahu penggunaan plastik terbiodegradasi merupakan salah satu langkah awal demi mengurangkan sebarang pencemaran alam sekitar. Tahap amalan terhadap amalan kitar semula.


Jadual 2: Soalan soal selidik berkaitan tahap amalan terhadap kitar semula

| Soalan | Bersetuju (%) | Tidak bersetuju (%) |
|---|------------------|------------------------|
| Saya mengasingkan sampah sebelum membuang sampah. | 73.1 | 26.9 |
| Saya menjual semula barang yang boleh dikitar semula. | 50.0 | 50.0 |
| Amalan kitar semula perlu diamalkan dalam kehidupan harian. | 92.3 | 7.7 |
| Saya membuang sampah mengikut warna tong kitar semula. | 77.0 | 23.0 |
| Saya membawa bekal ke tempat kerja untuk mengurangkan penggunaan plastik. | 62.0 | 38.0 |
| Saya menggunakan kedua-dua belah kertas apabila menulis dan mencetak. | 81.0 | 19.0 |
| Saya membuat kraftangan dengan menggunakan bahan terpakai. | 61.5 | 38.5 |
| Saya menggunakan barang dengan cekap supaya tidak membazir. | 85.0 | 15.0 |
| Saya membeli secara pukal untuk mengurangkan penggunaan plastik. | 69.2 | 30.8 |
| Saya menggunakan botol-botol kosong sebagai perhiasan di rumah. | 54.0 | 46.0 |

Seterusnya, kami juga mengkaji berkaitan tahap amalan kitar semula dalam kalangan penduduk Taman Universiti. Berdasarkan data di atas, sebanyak 73.1% responden yang mengasingkan sampah sebelum membuangnya. Separuh daripada jumlah responden juga mengamalkan kitar semula dalam kehidupan seharian. Mereka sedar akan kepentingan kitar semula tetapi adalah kurang dari segi penglibatan melakukannya. Selain itu sebanyak 62% daripada responden kami yang membawa bekal ke tempat kerja untuk mengurangkan penggunaan plastik. Bukan itu sahaja, sebanyak 81.0% responden yang menggunakan kedua-dua belah kertas apabila menulis dan mencetak serta terdapat juga sebilangan kecil daripada responden kami yang membuat kraftangan menggunakan bahan terpakai demi mengurangkan pembuangan dan pembaziran bahan. Ini menunjukkan para responden menggunakan barang dengan cekap demi kebaikan alam sekitar.

Cabaran dalam amalan kitar semula

Peratusan cabaran utama yang dihadapi dalam mengamalkan amalan kitar semula



- Ketidaktahuan tentang jenis bahan yang boleh dikitar semula
- Kurangnya sokongan atau kerjasama dari keluarga atau rakan
- Ketidakselesaan atau kesukaran dalam memisahkan bahan yang boleh dikitar semula
- Kurangnya kemudahan kitar semula yang mudah diakses

Berdasarkan data di atas, majoriti responden menghadapi cabaran seperti kekurangan kemudahan alam sekitar. Antara cabaran utama dalam mengamalkan kitar semula ini ialah ketidaktahuan responden tentang jenis bahan yang boleh dikitar semula iaitu menyumbang sebanyak 38.5%. Hal ini disebabkan kerana kurangnya pendidikan dan kesedaran awam. Norhusna Mohamad, (2014) menyatakan bahawa bahan yang boleh di kitar semula termasuk kebanyakan bahan kaca, kertas, logam, plastik, tekstil dan elektronik. Beberapa dapatan kajian lain telah menunjukkan bahawa penglibatan responden terhadap kitar semula dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya ialah tiada kemudahan pusat kitar semula dan tong kitar semula yang disediakan dan sosio-demografi yang signifikan iaitu umur, status perkahwinan, dan jenis pekerjaan (Masyitah Md Nujid, Nurjuhanah Juhari, & Juliana Martin, 2011; Muhamad Azahar & Norizan Md Nor, 2014). Menurut Thomas (2001), jumlah orang yang terlibat dalam program kitar semula adalah tidak penting tetapi tahap keberkesanannya orang yang terlibat dalam program yang dijalankan merupakan parameter yang sangat penting.

Sokongan dari persekitaran penduduk terhadap budaya kitar semula juga kurang merangsangkan. Ini adalah kerana, mereka juga tidak melibatkan diri dalam program kitar semula yang diadakan. Dapatan kajian tersebut selaras dengan hasil kajian Mah Hassan et al. (2017) yang menyatakan bahawa tahap pengetahuan pelajar berkaitan kitar semula adalah tinggi, akan tetapi tanggungjawab dan sikap mahasiswa berkenaan kitar semula terhadap pengurusan sisa pepejal adalah sangat rendah. Melalui dapatan kajian kami sebanyak 19.2% dalam kalangan responden yang kurang mendapat sokongan dan kerjasama daripada keluarga dan juga rakan sendiri.

Satu kajian yang dilakukan oleh (Jambeck et al., 2015) menyenaraikan Malaysia sebagai negara di tangga yang ke lapan gagal menguruskan sampah berbentuk plastik. Kajian ini memfokuskan kepada sisa plastik pada tahun 2010, dan lebih kurang 0.14 juta hingga 0.37 tan daripada jumlah ini berakhir di laut. Antara punca utamanya ialah kadar kitar semula adalah

pada tahap yang rendah, infrastruktur dalam menguruskan sisa masih belum mencukupi, dan amalan pembuangan sampah yang tidak bertanggungjawab. Ini dibuktikan melalui kajian kes kami di Taman Universiti, Tanjung Malim iaitu kira-kira 19.2% yang mengalami kesukaran dalam memisahkan bahan yang boleh dikitar semula. Tambahan pula, sebanyak 23.1% menghadapi kurangnya kemudahan kitar semula yang diakses.

Tahap kepuasan dan cadangan



Keprihatinan dan sikap merupakan antara faktor yang penting dalam mewujudkan masyarakat yang sayang terhadap alam sekitar dan bersedia untuk melaksanakan pelbagai aktiviti yang dapat memelihara dan memulihara alam sekitar (Cheku et al., 2017). Dalam kajian ini, kami juga mengambil maklumat kepuasan penduduk terhadap kemudahan kitar semula. Melalui tinjauan di atas, majoriti responden bersetuju bahawa kemudahan adalah cukup baik tetapi boleh diperbaiki lagi. Seterusnya diikuti peratusan data 15% dalam kalangan responden yang tidak menggunakan kemudahan kitar semula yang disediakan serta hanya 12% yang bersetuju bahawa kemudahan adalah cukup baik. Melalui analisis daripada data kami ini, kemudahan kitar semula di Taman Universiti boleh dinaik taraf agar penglibatan penduduk dalam kitar semula dapat ditingkatkan. Tindakan manusia memberi kesan yang besar kepada keseimbangan alam sekitar dan manusia perlu bertanggungjawab terhadap semua tindakan yang menyebabkan ketidakseimbangan alam sekitar (Khairul Azhar Meerangani, 2018).

Perbincangan Dan Kesimpulan

Dapat dirumuskan bahawa pengetahuan dan amalan terhadap kitar semula mestilah diwujudkan dalam diri masyarakat terutamanya pelajar di institusi kerana pengurusan sisa di institusi pengajian dianggap satu peluang yang baik untuk melestarikan alam sekitar seterusnya mewujudkan amalan kitar semula (Siti Khatijah Zamhari dan Christopher Perumal, 2016). Oleh itu, program kitar semula mestilah difahami dan diamalkan sepenuhnya oleh semua pihak serta langkah terperinci perlu diambil bagi mempraktikkannya untuk terus menyelamatkan bumi kita. Hasil daripada kajian kami terhadap budaya kitar semula di Taman Universiti ini ialah para penduduk sedar akan pentingnya budaya kitar semula ini tetapi tidak ramai yang ingin terlibat dalam mana-mana aktiviti kitar semula kerana terdapat kekangan seperti kurangnya sokongan daripada orang terdekat dan juga kurangnya kemudahan untuk kitar semula. Berdasarkan

objektif kajian kami, kami dapat mengenal pasti tahap kesedaran budaya kitar semula dalam kalangan penduduk Taman Universiti. Kami juga dapat mengetahui permasalahan yang dihadapi penduduk terhadap bahan buangan yang boleh dikitar semula serta memberi cadangan penyelesaian terhadap masalah pelupusan bahan buangan di sekitar tempat kajian. Peningkatan dalam pengetahuan masyarakat yang lebih peka dan prihatin terhadap isu alam sekitar dan kitar semula.

Rujukan

- Ismail, A. R. (2015). Potensi Kitar Semula Bahan Buangan Plastik bagi Penghasilan Produk Kreatif. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 3(2), 113-122.
- Jambeck, J. R., Geyer, R., Wilcox, C., Siegler, T. R., Perryman, M., Andrade, A., Law, K. L. (2015). Plastic waste inputs from land into the ocean. *Science*, (September 2014), 1655–1734.
- Khairul Azhar Meerangani. (2018). Kepentingan Penjagaan Alam Sekitar Menurut Perspektif Maqasid. *Isu-Isu Semasa Islam Dan Sains*, (February).
- Ku Noor, C., Binti, H., & Ku, C. (2014). *F Yang Mempengaruhi Amalan Kitar Semula Dalam Kalangan Generasi Y Di Ipt Negeri Terengganu*.
- Log In - ProQuest*. (n.d.). [Www.proquest.com](https://www.proquest.com/docview/2848774610/fulltextPDF/FA6CD7C6B7C24138PQ/3?accountid=13155&sourcetype=Dissertations%20&%20Theses). Retrieved June 5, 2024, from <https://www.proquest.com/docview/2848774610/fulltextPDF/FA6CD7C6B7C24138PQ/3?accountid=13155&sourcetype=Dissertations%20&%20Theses>
- Mah Hassan, Nurul Adilah, & Zulhumadi, F. (2017). Kitar semula: Pengetahuan dan sikap mahasiswa Universiti Utara Malaysia terhadap pengurusan sisa pepejal. In *Symposium on Technology Management & Logistics (STML-Go Green) 2016*. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Masyitah Md Nujid, Nurjuhanah Juhari, & Juliana Martin. (2011). Kajian penjanaan sisa pepejal dan tahap kesedaran penduduk terhadap kitar semula di seluruh negeri Perlis. *Jurnal Intelek*, 6(1), 123–131.
- Norhusna Mohamad. (2014). Penglibatan Dalam Aktiviti Kitar Semula Kertas Terpakai Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Universiti Tun Hussein Onn*. Universiti Tun Hussein Onn
- Siti Khatijah Zamhari, & Christopher Perumal. (2016). Cabaran dan strategi ke arah pembentukan komuniti lestari. *Malaysia Journal of Society and Space*, 12(12), 10–24.
- Smith, J., & Johnson, R. (2019). The Role of Cultural Values in Recycling Behavior: A Literature Review. *Envi*.